

Empat manfaat besar

■ Projek MRT kurangkan kesesakan pekan Kajang

PILIHAN RAYA KECIL
DUN KAJANG 2014



Oleh SYAH RUL ASWARI
ABDULLAH dan YUSLIZA
YAKIMIR ABD TALIB
am@hmetro.com.my
Kajang

Pelaksanaan projek MRT Sungai Buloh-Kajang akan memberi empat manfaat besar kepada penduduk di sekitar kawasan ini, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan.

Beliau berkata, ia menyaksikan tiga stesen MRT iaitu Saujana Impian, Bandar Kajang dan Kajang dibina. Di bandar ini yang dapat memendekkan tempoh perjalanan sehingga 30 minit untuk ke ibu kota, sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Katanya, projek itu me-

nyumbang kepada peningkatan nilai hartanah di samping pembinaan lebih banyak projek pembangunan dan peluang perniagaan, selain mengurangkan kos pengangkutan penduduk, terutama golongan berpendapatan rendah, berbanding kos petrol dan tol jika menaiki kenderaan sendiri.

“Semua manfaat ini akan membantu Kajang memiliki kemudahan bertaraf dunia,” katanya ketika ditemui selepas melawat tapak stesen MRT Kajang, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi MRT Corporation (MRTCorp) Sdn Bhd Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan calon Barisan Nasional (BN) Datin Paduka Chew Mei Fun.

Mereka turut mendengar taklimat diberi oleh Pengarah Projek MRT Corp Marcus Karakashian.

Ahmad yang juga Ketua Penerangan BN berkata, stesen MRT Kajang akan diintegrasikan dengan Stesen Komuter Kajang dan ber-



AHMAD

kongsi ruang legar sama bagi membolehkan pengguna membuat pertukaran antara kedua-dua laluan dengan mudah.

Katanya, ia akan dilengkapi kemudahan parkir bertingkat dengan lebih 1,100 tempat letak kereta, motosikal (250) dan basikal (35).

“Pembinaan stesen MRT akan memberi banyak faedah kepada rakyat dan menggunakan pengangkutan awam paling moden untuk kemudahan mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad

berkata, calon PKR Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tidak berupaya menyelesaikan masalah penduduk seperti kesesakan lalu lintas.

“Sebaliknya, isu itu sudah lama diselesaikan oleh kerajaan Pusat menerusi pelaksanaan projek berskala besar, termasuk MRT dan pembinaan parkir bertingkat.

“Pihak lawan mengatakan projek ini menyebabkan masalah lalu-lintas, tetapi masalah ini hanya kesulitan sementara sehingga projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 2017,” katanya.

Dalam pada itu, Azhar berkata, sehingga kini projek MRT itu 31 peratus siap, manakala pembinaan terowong untuk stesen MRT bawah tanah 50 peratus siap.

“Ia berjalan mengikut jadual,” katanya.

Projek pembinaan MRT bagi laluan Sungai Buloh-Kajang membabitkan kos RM23 bilion meliputi jarak 51 kilometer yang dibahagikan kepada dua peringkat.